

PM arah kementerian untuk pastikan syarikat penerbangan tidak ambil kesempatan

Oleh NORAWAZNI YUSOF

BERA

Pengendali syarikat penerbangan domestik diberi amaran supaya tidak mengambil ke-

sempatan dengan menaikkan tambang penerbangan antara Semenanjung Malaysia ke Sabah dan Sarawak pada musim perayaan Aidilfitri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sekiranya terdapat kenaikan harga tambang penerbangan, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP)

2011 boleh dikenakan.

“Saya telah mengarahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di bawah Datuk Seri Alexander Nanta Linggi untuk segera melihat perkara itu (kenaikan harga). Kementerian perlu tegas dan tidak kira sama ada ia melibatkan syarikat besar atau kecil (syarikat penerbangan atau pengendali).

Tindakan tegas syarikat penerbangan naik harga tiket



Ismail Sabri (kiri) merasmikan MG Coopmart-KopBera dan Jualan Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia Parlimen Bera sambil diperhatikan Noh pada Ahad

“Tindakan tegas juga perlu diambil untuk menjaga kepentingan rakyat. Kita tidak boleh membiarkan perniagaan mengambil kesempatan dengan

memberi tekanan kepada rakyat pada bulan puasa dan musim perayaan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis

Perasmian MG Coopmart-KopBera dan Jualan Murah Semarak Ramadan Keluarga Malaysia Parlimen Bera pada Ahad.

Hadir sama Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar.

Sebelum ini, laporan akhbar mendedahkan pemantauan terhadap laman web syarikat penerbangan komersial baru-baru ini menyaksikan harga tambang penerbangan domestik melonjak sehingga RM2,000 bagi penerbangan pergi dan balik.

Ia meningkat sebanyak 566 peratus menjelang tempoh perayaan Aidilfitri iaitu antara 29 April hingga 8 Mei.

Dalam pada itu, Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera memaklumkan sudah berbincang dengan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong untuk bertemu pengendali syarikat penerbangan bagi mengurangkan harga tiket.

“Saya difahamkan menteri telah berjumpa dengan pengusaha untuk mengkaji langkah-langkah untuk melihat kemungkinan mengurangkan harga tiket yang melampau,” katanya.